

**AZLIZAN MAT ENH
ZUBAIDAH VP HAMZAH**

Persaingan Amerika Syarikat – Soviet Union dalam Pembentukan Order Baru Pasca Perang Dunia II

ABSTRAK

Perang Dunia II (1939-1945) menyaksikan pembentukan pakatan kuasa antara Amerika Syarikat dan sekutunya dalam menghadapi Nazi, German. Soviet Union merupakan salah satu sekutu yang penting kepada Amerika Syarikat dalam menghadapi tekanan Nazi di bahagian Eropah, khususnya Eropah Timur. Kejayaan pakatan Amerika Syarikat dan sekutunya berjaya mengalahkan Nazi, German, tetapi membawa masalah dalam hubungan Amerika Syarikat – Soviet Union pasca Perang Dunia II. Apatah lagi selepas Perang Dunia II, kedudukan kuasa-kuasa besar lain seperti Britain dan Perancis agak lemah kerana menumpukan kepada kestabilan semula ekonomi dan empayar mereka kesan dari peperangan tersebut. Kelemahan dan kejatuhan dua buah kuasa besar ini membawa kepada kebangkitan kuasa Amerika Syarikat dan Soviet Union dalam menentukan Order Baru dunia pasca perang sehingga mencetuskan krisis dalam hubungan kedua-dua kuasa besar ini. Objektif esei ini adalah untuk menganalisis isu-isu yang telah membawa konflik dalam hubungan Amerika Syarikat – Soviet Union sepanjang era Perang Dingin. Melalui kajian ini didapati bahawa antara isu-isu utama yang menjadi konflik dalam hubungan Washington dan Moscow sepanjang era Perang Dingin antaranya ialah perbezaan ideologi, perlumbaan pembinaan senjata nuklear, persaingan ekonomi, serta krisis di Cuba dan di Afghanistan.

Kata-kata kunci: Amerika Syarikat, Soviet Union, Perang Dingin, Liberalisme, Komunisme, dan pembentukan Order Baru dunia.

PENDAHULUAN

Istilah *Cold War* atau “Perang Dingin” pertama kali istilah tersebut digunakan oleh Bernard Baruch, kemudiannya digunakan secara berterusan oleh seorang wartawan yang dikenali sebagai Lippman sekitar tahun 1947. Istilah tersebut adalah merujuk kepada hubungan dingin dan tegang antara Soviet Union dengan kuasa Barat ketika itu, terutamanya Amerika Syarikat (Graebner, 1963).

Dr. Azlizan Mat Enh dan **Zubaidah VP Hamzah** ialah Pensyarah dalam Program Sejarah di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi, Selangor D.E., Malaysia. Mereka boleh dihubungi melalui email: azlizan@ukm.my dan zvph@ukm.my

Pada masa yang sama, turut menjelaskan bahawa kerjasama antara blok Barat dan Timur yang pernah bersama menentang Nazi telah berakhir.¹ Dengan erti kata lain, Perang Dingin bermula sebagai kesan daripada berakhirnya Perang Dunia II (1939-1945). Amerika Syarikat dan Soviet Union yang menjadi kuasa dominan selepas Perang Dunia II menjadi musuh selepas kekalahan gabungan Adolf Hitler dengan sekutunya. Ini antara lainnya kerana perlumbaan kuasa untuk mengisi *vacuum of power* di Eropah dan Asia Timur yang ditinggalkan oleh German dan Jepun. Masing-masing ingin menjadi kuasa yang lebih berpengaruh di negara-negara ketiga (negara bukan sekutu).

Kontroversi yang berterusan ke atas Eropah Timur, German dan Berlin, Balkan, Turki, Iran, Jepun, dan Korea merupakan sebahagian daripada perubahan selepas perang di kalangan kuasa-kuasa besar ini. Kontroversi ini berkembang kemudiannya kepada intip-mengintip di sempadan lingkungan pengaruh masing-masing dan syak wasangka antara satu sama lain. Banyak perkara yang berlaku dalam hubungan Amerika-Soviet sehingga menyebabkan hubungan yang renggang dan *cold* hampir bertukar menjadi perang yang *hot* antara Washington dan Moscow.

Artikel ini akan membincangkan mengenai isu-isu yang menyebabkan hubungan yang renggang antara kedua-dua sekutu tersebut selepas Perang Dunia II seperti perbezaan ideologi, perlumbaan penciptaan senjata, ekonomi, dan krisis di Cuba dan di Afghanistan.

IDEOLOGI

Masalah yang berlaku dalam hubungan Soviet Union dan Amerika Syarikat sering dikatakan berpunca daripada ideologi komunis yang bertentangan dengan ideologi demokrasi yang diperjuangkan oleh Amerika Syarikat selepas Perang Dunia II. Mengikut John Lewis Gaddis (1981:74-75), pada awalnya ideologi bukan penyebab utama kepada ketegangan antara Soviet Union dan Amerika Syarikat. Kenyataan John Lewis Gaddis ini berdasarkan hubungan yang terjalin antara Amerika Syarikat dan Soviet Union dalam Perang Dunia II. Hubungan mereka dapat diberi justifikasi kerana kedua-duanya mempunyai kepentingan yang sama, iaitu untuk menghapuskan Nazi dari German.

Walhal, komunisme telah wujud di Soviet Union sejak kejayaan revolusi Bolshevik. Namun selepas Perang Dunia II, hubungan kedua-duanya menjadi tegang dan ideologi dijadikan propaganda utama dalam menerangkan mengapa wujudnya konflik antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Kenyataannya, ideologi akhirnya menjadi isu utama dalam hubungan kedua-dua negara kerana apabila kedua-dua kuasa besar itu tidak lagi mempunyai keinginan atau kepentingan antara satu sama lain selepas perang tamat, kedua-duanya melihat ideologi sebagai penyebab utama yang membezakan kedua-duanya daripada kawan kepada lawan.

¹FO 371/86736, "Lecture by Sir Gladwin Jebb on the Conduct of the Cold War by the UK and Her Allies", 24 February 1950.

Soviet Union selepas Persidangan Yalta (1945) tidak begitu ketara mengembangkan pengaruh komunis di kawasan dominasinya di Eropah Timur, dan begitu juga dengan Amerika Syarikat di Eropah Barat. Akhirnya, ideologi tersebut menjadi persaingan kuasa kepada Amerika-Soviet di peringkat antarabangsa dalam mempengaruhi dan mengembangkan ideologi masing-masing sehingga mencetuskan konflik yang dikenali sebagai *Cold War* atau Perang Dingin. Pada peringkat ini, berlakunya persaingan untuk mempengaruhi negara-negara berkecuali atau *non aligned*. Ini merupakan aspek kepada usaha keras mereka. Joseph Stalin mempunyai kepentingan dan minat menyokong kumpulan-kumpulan gerakan pembebasan yang bukan di bawah lingkungannya semakin ghairah dan aktif. Semasa Nikita Krushchev pula, arena yang menjadi persaingan kepada mereka ialah di Asia, Afrika, dan Amerika Latin. Ini dibantu pula dengan dendam daripada negara-negara tersebut yang membenci perindustrian di Barat.

Soviet intentions and our own policy clearly differ in these widely differing regions of Europe, each of which, therefore, requires separate consideration. [...] Assuming a conflict of interests between US and the Russians to be inevitable in any region of Europe.²

Russia atau Soviet Union telah menunjukkan minat ke atas negeri-negeri di Eropah Tengah dan pada masa yang sama mempunyai rasa curiga kerana pembentukan negara konfederasi di kalangan negeri-negeri ini selepas tamatnya Nazi. Seperti di Poland, pemerintahannya di sana amat dibimbangi oleh Russia kerana dapat mencetuskan permusuhan ke atas Russia. Di Czechoslovakia, Perjanjian Czechoslovakia-Soviet tahun 1943, yang memberi kebenaran untuk Soviet Union menjadikan Czechoslovakia sebagai pangkalan kepada Russia di Eropah Tengah. Ini jelas menunjukkan pengaruh Soviet Union ke atas negeri itu, di mana negara kuasa besar itu telah bersedia sepenuhnya untuk berunding dengan golongan politik dan usahawan yang sekarang ini membentuk kerajaan, dan sebagai petanda bahawa negeri-negeri jiran Czechoslovakia juga terdedah kepada dominasi Soviet Union.³

Selain itu, Soviet Union yang mempunyai kepentingan di Laut Hitam, iaitu yang terletak di Selat Bosphorus dan Dardanelles di bawah jagaan kerajaan Turki. Perkara ini telah memberi cadangan kepada Turki agar membuat satu rundingan untuk meletakkan Laut Hitam di bawah pengawasan bersama Soviet Union dan Turki. Tindakan Soviet Union ini mendapat reaksi daripada Presiden Truman daripada Amerika Syarikat yang memberi amaran kepada Soviet Union bahawa sebarang tindakannya haruslah dengan persetujuan Amerika Syarikat. Ini kemudiannya diikuti oleh nota bantahan terhadap Soviet Union. Tindakan Presiden Truman ini adalah kerana pengawasan Soviet Union ke atas Laut Hitam akan memberi laluan kepada negara kuasa besar itu untuk meletakkan pengaruhnya di seluruh Timur Tengah dan Timur Dekat (Poole, 1978:15).

²FO 371 / 39041, "Letter of State Secretary to Foreign Affairs", 7 July 1944.

³*Ibid.*

Amerika Syarikat kemudiannya telah memberi amaran kepada Soviet Union bahawa negara tersebut tidak berhak memaksa negara Turki berbuat demikian. Polisi Amerika Syarikat untuk menghapuskan pengaruh Soviet Union di Turki jelas melalui bantuan yang banyak kepada negara Turki dari segi kewangan dan militari untuk membangunkan semula negara berkenaan tanpa kebergantungan daripada Soviet Union.

For the last year, we (US) had been carrying out a policy of giving Turkey and Greece certain military equipment, a policy which we had not thus far adopted with regard to any Western European country. It seemed to me that by selecting Turkey and Greece as the first countries of Europe to receive grants for strengthening their military establishments, the US had already manifested an interest in their security which the Turkish government and people as well as other governments, could not ignore.

For the United States government to make it clear to the Soviet Union aggression against Turkey would involve the Soviet Union at once in a war with the United States and other powers interested in the maintenance of the principles of the Charter of the United Nations.⁴

Amerika Syarikat bukan sahaja ingin meletakkan ideologi di negara-negara yang berada di bawah lingkungan pengaruhnya di Eropah Barat, tetapi juga mengambil peluang di negara-negara blok Timur walaupun negara tersebut berada di bawah pengaruh Soviet Union seperti di Yugoslavia. Pada tahun 1948, pemimpin Yugoslavia, Joseph Broz Tito, menghadapi masalah dalam hubungannya dengan Joseph Stalin. Ada beberapa isu yang menjadi perbalahan kedua-dua pemimpin ini, antaranya ialah tujuan Soviet Union untuk menjadi penaung kepada Yugoslavia dan ingin mengawal urusan dalaman dan antarabangsa Yugoslavia. Ini bertentangan dengan Joseph Broz Tito yang ingin pemerintahan bebas dan tersendiri di Yugoslavia. Soviet Union pula menganggap bahawa Joseph Broz Tito dan komunis Yugoslavia adalah pengkhianat kepada Soviet Union.⁵

Amerika Syarikat kemudiannya mengambil kesempatan dalam pertelingkahan antara Tito-Stalin ini dengan menyokong Joseph Broz Tito, bertujuan untuk merenggangkan hubungan Belgrade dan Moscow.

Western powers should obviously do everything possible encourage the rebellious child, it is questionable if he can hold out for long against Soviet-Communist efforts which must now be made to cleanse the Yugoslav Party, although it is to be hoped he will be successful. Situation may well become one which we can exploit by more propaganda.⁶

Soviet Union telah mengutuk tindakan Amerika Syarikat yang menyokong Yugoslavia kerana Yugoslavia bukanlah di bawah pengaruh Amerika Syarikat,

⁴Lihat "Memorandum of Conversation by the Secretary of State in Washington: 11 May 1948" dalam *FRUS 1948 Eastern Europe: The Soviet Union, Vol IV*. Washington, USA: National Archive Library, 1974, ms.83-84.

⁵RG 59, "American Embassy Sofia to Secretary of State, Washington: 29 June 1948".

⁶RG 59, "American Embassy Moscow to Secretary of State, Washington: 1 July 1948".

dan negara kuasa besar yang liberal itu tidak sewajarnya terlibat dalam urusan Moscow dan Belgrade. Soviet Union turut menyelar Yugoslavia yang menerima bantuan ekonomi Amerika Syarikat melalui Rancangan Ekonomi 5 Tahun di bawah *Marshall Plan*. Soviet Union telah melabelkan Yugoslavia sebagai salah satu negara yang menyokong imperialisme Amerika Syarikat dan Barat. Oleh itu, pertentangan ideologi antara komunisme dan demokrasi yang sebelum ini boleh dikompromi oleh kedua-dua negara akhirnya menjadi faktor yang membawa ketegangan dalam hubungan Amerika-Soviet apabila masing-masing bersaing antara satu sama lain untuk menjadi lebih berkuasa dan berpengaruh selepas Perang Dunia II (1939-1945).

PERLUMBAAN PENCIPTAAN SENJATA NUKLEAR

Satu lagi isu yang menjadi sebab kepada konflik Amerika-Soviet sepanjang tempoh Perang Dingin ialah perlumbaan dalam penciptaan senjata nuklear. Ketidakpercayaan di kalangan kuasa-kuasa besar semasa Perang Dingin membawa kepada satu situasi di mana berlakunya curiga-mencurigai antara satu sama lain tentang kehebatan teknologi senjata masing-masing. Persaingan yang bersungguh-sungguh dan jelas dalam perlumbaan senjata antara Amerika Syarikat dan Soviet Union, sama ada tentera laut atau udara yang telah dilaksanakan dengan gigih, tekun, dan tanpa henti.

The absence of mutual trust in relations among the great powers has led to a situation where, after the end of World War II, there has been a continuous threat of a new war, a war still more tragic in its consequences. The armaments race is being intensified armies, navies, and air forces are being incessantly developed. The greatest achievements of science and technology serve the production of the most destructive means for the extermination of mankind. The armaments race in the field of production of the most dangerous atomic and hydrogen weapons has assumed particularly great proportions.⁷

Apatah lagi kedua-dua pihak yakin bahawa melalui kekuatan militeri, mereka tidak akan tergugat jika diancam oleh pihak musuh. Amerika Syarikat sendiri, melalui pegawainya iaitu George Kennan, berpendapat bahawa usaha negara tersebut untuk menghapuskan ancaman komunis akan tercapai sekiranya Amerika Syarikat telah mempunyai persediaan militeri yang kuat dan mencukupi (Mayers, 1986:149-150). Perlumbaan dalam bidang senjata membawa kepada pengeluaran senjata atom yang paling berbahaya yang dicipta dengan begitu banyak oleh kuasa-kuasa besar antaranya Amerika-Soviet. Sehingga Perang Dingin ada yang menyebutnya sebagai Perang Atom.⁸

Selain itu, perlumbaan penciptaan antara kedua-duanya adalah lebih untuk menunjuk-nunjuk tentang kehebatan masing-masing berbanding kenyataan

⁷FO 371/116118(1), "Report of Warsaw Conference, from the British Legation towards Foreign Office, Budapest, 1955" dalam *On the Setting Up of a Unified Command of the Armed Forces of the Countries Signatory to the Treaty of Friendship, Co-operation and Mutual Assistance*.

⁸*Ibid*.

yang sebenarnya. Pada dua setengah abad pertama Perang Dingin, Soviet Union merasa ketinggalan dan kekurangan daripada Amerika Syarikat dalam semua aspek dalam penciptaan senjata, kecuali pemilikan tenaga buruh yang ramai berbanding Amerika Syarikat. Malah Soviet Union juga bimbang bahawa ketegangan di peringkat antarabangsa antara Amerika-Soviet berhubung beberapa isu seperti di German Timur dan Timur Jauh boleh mencetuskan perang yang baru antara mereka. Soviet Union mencadangkan pada 1955 supaya propaganda terhadap perang patut dihentikan. Selaras dengan itu, dalam Persidangan Warsaw, Soviet Union mengemukakan cadangan supaya Amerika Syarikat dan Soviet Union hanya patut memiliki tentera yang tidak melebihi daripada 1,000,000 ke 1,500,000 orang.⁹ Mereka tidak wajar memiliki tentera melebihi tentera tersebut kerana boleh menggugat keamanan antarabangsa dan propaganda perang. Soviet Union melihat perkembangan Amerika Syarikat yang menghantar bom atom ke German Barat sebagai satu percubaan serangan untuk menentang negeri-negeri di Eropah Timur dan khususnya Soviet Union.

Semasa zaman persaingan penghantaran satelit, walaupun Amerika Syarikat dan Soviet Union menghantar satelit masing-masing, tetapi kedua-duanya tidak pasti siapa antara mereka yang mempunyai teknologi lebih hebat. Sebelum tahun 1961, Washington merasa bahawa mereka mempunyai kekurangan pemilikan senjata nuklear berbanding Moscow dan merasa ketinggalan dan rendah diri terhadap Moscow. Akibatnya, perlumbaan dari segi penciptaan senjata menjadi semakin sengit. Hanya pada tahun 1961, Washington baru mendapat kepastian bahawa senjata nuklear mereka adalah jauh lebih canggih ke hadapan dari segi teknologi berbanding Soviet Union yang mana selama ini hanya retorik sahaja daripada kebenaran. Maklumat ini hanya diketahui setelah Kremlin meletakkan semua missiles-nya di Cuba dan dapat dikesan oleh Amerika Syarikat pada tahun tersebut.

Pada tahun 1969, dalam keadaan ekonomi yang tidak berkembang, Amerika Syarikat dan Soviet Union telah bersetuju untuk mengawal pembuatan senjata nuklear melalui rundingan yang dikenali sebagai *Strategic Arms Limitation Talk* (SALT). Perbincangan yang berterusan mengenai SALT 1 telah diadakan pada tahun 1969 hingga 1972 dan berjaya mengurangkan isu sensitif ini antara Amerika-Soviet serta dapat membantu meningkatkan keselamatan antarabangsa. Rundingan mencapai persefahaman apabila pada bulan Mei 1972, Presiden Amerika Syarikat dan Presiden Soviet Union, iaitu Richard Nixon dan Leonid Brezhnev, menandatangani *Anti-Ballistic Missile Treaty and Interim Agreement between the United States of America and the Union of Soviet Socialist Republics on Certain Measures with Respect to the Limitation of Strategic Offensive Arms*.

⁹*Ibid.*

SALT merupakan elemen penting bagi keseluruhan pola dalam rundingan Timur-Barat.¹⁰ Sehingga tahun 1976, perbandingan kekuatan senjata nuklear antara Amerika-Soviet adalah seperti berikut:¹¹

USA	Soviet Union
1054 ICBMs	1500 ICBMs
656 SLBMs	700 SLBMs
460 Bombers	140 Bombers
2170	2340

Amerika Syarikat jangkakan perkembangan senjata nuklear Soviet Union pada akan bertambah pada tahun 1985, seperti berikut:¹²

USA	Soviet Union
550 Minuteman III	--
464 Poseidon	1300 (16-17-18-19)
192 Trident	920 SLBM
1206	2220

Data pemerolehan senjata nuklear dalam jangka panjang antara Amerika-Soviet telah membimbangkan Amerika Syarikat tentang ancaman Soviet Union ke atasnya. Oleh itu pada tahun 1976, Amerika Syarikat telah mendesak supaya mengadakan rundingan SALT 2 antara Amerika-Soviet untuk menseimbangkan semula pemilikan senjata antara mereka, tambahan pula SALT I akan berakhir pada 1977. Antara cadangan tersebut ialah: (1) Membincangkan perkembangan dalam Strategik Missiles sejak SALT 1; (2) Membentangkan baki perolehan senjata nuklear antara Amerika Syarikat dan Soviet Union pada pertengahan 1974; (3) Meramalkan baki antara 1979 dan pertengahan 1984; serta (4) Membuat semakan semula antara ke atas SALT 1.¹³

Bagi membuat perbandingan hubungan antara Soviet Union dengan Amerika Syarikat, kayu ukur yang digunakan adalah seperti berikut: (1) Penghentian pengeluaran nuklear secara menyeluruh; atau (2) Keupayaan misil menepati sasaran yang dikenalpasti; atau (3) Keupayaan misil mengena tepat pada kawasan yang dituju.

Berdasarkan kayu ukur tersebut, Soviet Union ternyata mendahului Amerika Syarikat bagi kategori (1) dan (2) serta berkemungkinan (3) pada masa hadapan sekiranya tiada tindakan dilaksanakan oleh Amerika Syarikat. Selain itu didapati bahawa Amerika Syarikat dan Soviet Union membelanjakan jumlah wang yang besar dalam penciptaan senjata, tetapi Soviet Union didapati

¹⁰Lihat FCO 46/1006, "SALT: Notes for Meeting with Mr. Brennan, Washington DC: 7 February 1973".

¹¹FCO 46/1162, "SALT: Intelligence Note by DGI, Washington DC: 7 January 1976".

¹²FCO 46/1162, "SALT: Intelligence Note by DGI, Washington DC: 27 November 1974".

¹³FCO 46/1162, "US Defence Department: 24 November 1974".

melabur lebih besar berbanding Amerika Syarikat dalam R&D (*Reserach and Development*) untuk menaik taraf kebolehan bom nuklear yang boleh menggugat keseimbangan nuklear antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Ini untuk memastikan pihak yang satu lagi tidak menandinginya.

Kedua-dua pihak telah berusaha mencipta pelbagai senjata nuklear yang berteknologi tinggi dalam MIRV (*Missiles Inter Re-entry Vehicle*), antaranya *Submarine Launched Ballistic Missiles* (SLBMs), *Anti Ballistic Missiles* (ABMs), dan *Surface to Air Missiles* (SAMS). Kedua-duanya juga memperbaiki penciptaan bom, peralatan, dan senjata mereka seperti *Anti Submarine Warfare* (ASW) dan berkemungkinan *Mobile Inter-Continental Ballistic Missiles* (MICBMs). Setiap pihak berazam untuk mencegah pihak yang satu lagi mengatasinya. Perundingan baru antara Amerika Syarikat dan Soviet Union dijangka akan berlangsung pada Januari 1975 di Geneva.¹⁴

SALT II lebih kontroversi antara Jimmy Carter daripada Amerika Syarikat dan Leonid Brezhnev daripada Soviet Union. SALT kali ini lebih kepada pengurangan senjata nuklear antara kedua-duanya pada 1977 hingga 1979. Namun SALT II tidak lama menjamin keamanan dalam hubungan Amerika Syarikat dan Soviet Union. Ini kesan daripada tindakan Soviet Union yang telah mencerobohi perjanjian tersebut dengan penjelajahan negara tersebut di Afghanistan. Soviet Union telah membantu pembentukan kerajaan Sosialis di Afghanistan selepas 6 bulan menandatangani SALT II pada bulan Jun 1979. Malah pada tahun yang sama, juga Soviet Union telah menjadikan Cuba sebagai pangkalan missile-nya di benua Amerika. Akibat daripada tindakan Soviet Union yang tidak mematuhi SALT II, Presiden Ronald Reagan daripada Amerika Syarikat telah mengambil keputusan menggugurkan SALT II. Selepas 1981, perjanjian tersebut tidak dipatuhi lagi, sama ada oleh Soviet Union mahupun oleh Amerika Syarikat.

SALT 1, bagaimanapun, tidak menyelesaikan konflik antara Amerika-Soviet dalam perlumbaan senjata.¹⁵ Ini kerana perjanjian tersebut tidak menyekat MIRV untuk penciptaan *ballistic missiles*, *ballistic missiles* pada jarak sederhana dan jarak pendek, kapal pemusnah dan senjata, termasuk tidak menghadkan kualiti dan kemampuan bagi setiap senjata nuklear tersebut. Tambahan pula, tiada sekatan kepada kedua-dua pihak untuk membuat R&D bagi memantapkan teknologi senjata nuklear mereka dalam mana-mana bidang pembuatan senjata. Sehubungan itu, USA berterusan mengagihkan / meletakkan MIRVs, membina lebih banyak SLBM jarak jauh dan kapal terbang pemusnah B1. Amerika Syarikat juga menambah baik lagi ketepatan senjata nuklearnya, iaitu *Minuteman* ICBM dan mencipta ICBM (*Inter Continental Ballistic Missiles*) yang baru untuk menggantikan *Minuteman*, serta sedang merancang dan mempertimbangkan untuk pembinaan lanjut bagi pangkalan ICBM dan serangan udara. Amerika Syarikat juga giat menjalankan kajian

¹⁴*Ibid.*

¹⁵FCO 46/1162, "US and Soviet Deterrent Postures, DI: 25 November 1974".

untuk MARVs (*Manoeuvrable Re-entry Vehicles*) melalui pelbagai kaedah dan dapat mengenal pasti serta menjejaki sasaran khusus untuk jangka masa lama ketika pecutan berbanding *Missiles Inter Re-entry Vehicle* (MIRV).¹⁶

Manakala Soviet Union juga tidak mahu ketinggalan dalam penciptaan senjata nuklear. Soviet Union telah mula giat mengatur kedudukan jarak jauh SLBM (*Submarine Launched Ballistic Missile*) dan mula berusaha mencipta MIRVs dengan menambah baik SS-N-8 dan menunjukkan tanda pembinaan mobile ICBMs (*Inter-Continental Ballistic Missiles*) dan telah pun mencipta dan mempunyai kapal terbang pemusnah, iaitu *Backfire* yang mempunyai kecanggihan yang setanding dengan ketepatan kapal terbang B1 yang merupakan milik Amerika Syarikat. Kedua-duanya terbukti menambah baik senjata nuklear masing-masing untuk meningkatkan keupayaan *missile cruise* mengekori kapal musuh.¹⁷

Walaupun Soviet Union yang pertama memasang misil balistik kepada kapal selam atau *submarine* pada tahun 1950, tetapi pada tahun 1960 didapati Amerika Syarikat lebih ke hadapan berbanding Soviet Union dalam teknologi tersebut. Pada tahun 1970-an, Amerika Syarikat mengeluarkan SS-N-8 yang mana mempunyai jarak yang hebat daripada *Poseidon System* milik Soviet Union. Ketika itu Soviet Union tidak mempunyai MIRV, tetapi sedang *upgrade* SS-N-8 untuk mengeluarkan MIRV.

Amerika Syarikat bimbang sekiranya Soviet Union mungkin akan membina secara besar-besaran peluru berpandu untuk memusnahkan *Minuteman* miliknya. Oleh itu, Amerika Syarikat sentiasa memastikan keupayaan *Minuteman* agar ditingkatkan dan berkesan untuk berjaya dalam peperangan. Ini kerana sekiranya mereka tewas dalam serangan Soviet Union yang pertama, tetapi mereka akan dapat menewaskan Soviet Union dalam serangan yang kedua. Dengan MIRV juga, sekiranya Soviet Union berkemungkinan untuk menyerang submarine Amerika Syarikat.

Secara tersiratnya, perjanjian SALT 1 pada tahun 1972 dapat dikatakan telah mengubah perlumbaan senjata nuklear daripada sudut kuantiti kepada perlumbaan tentang kualiti untuk mengekalkan kredibiliti pemintas bom nuklear ketika dalam keadaan diserang ataupun menyerang kapal musuh. Kedua-dua pihak, Amerika-Soviet, meneruskan kegiatan penciptaan ke atas MIRV dan SLBM pada jarak jauh dengan menambah baik sasaran yang dituju supaya lebih tepat dan tajam. Mereka akur pada kuantiti yang digariskan, tetapi menambah kualiti senjata nuklear mereka kerana perjanjian tidak menyentuh tentang kualiti senjata nuklear. Masing-masing ingin memastikan supaya pihak yang satu lagi tidak mendapat kelebihan untuk memanipulasi terma-terma perjanjian.

¹⁶*Ibid.*

¹⁷*Ibid.*

The 1972 SALT 1 Treaty transformed the arms race from one of quantity and nuclear yield into another race of quality to maintain the credibility of nuclear deterrent systems in the face of advances in offensive and defensive capabilities. Both the US-USSR continues to work on MIRVs, longer range SLBMs, improved delivery accuracy. ABMs, SAMs, silo hardening, bombers and their equipment, and weapons and possibly on mobile ICBMs. Each side is determined to prevent the other from gaining an advantage which might enable it to dictate terms.¹⁸

EKONOMI

Ekonomi juga menjadi faktor yang membawa kepada konflik antara Amerika Syarikat dengan Soviet Union. Ini kerana kedua-duanya mengamalkan sistem ekonomi yang berbeza antara satu sama lain. Amerika Syarikat telah muncul sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia selepas Perang Dunia II, menggantikan kuasa Barat yang lain iaitu Britain, Perancis, dan Jerman. Ini kerana kuasa-kuasa Eropah selepas tamat Perang Dunia II terpaksa menumpukan kepada pembangunan ekonomi negara mereka yang lemah akibat perang. Pasca Perang Dunia II menonjolkan Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar yang unggul. Amerika Syarikat telah mengenenepikan dasar keterasingannya, sebaliknya menjadi negara kapitalis yang ingin mengembangkan ekonomi dengan semua negara, terutamanya di Eropah. Dasar ekonomi kapitalis Amerika Syarikat ini merupakan saingan kepada Soviet Union yang ingin menjalin hubungan dengan negara-negara Eropah berasaskan ekonomi komunisme atau Marxis. Ini membawa kepada persaingan kuasa di antara mereka untuk mempengaruhi negara-negara lain, sama ada di Eropah, Asia atau Timur Tengah untuk menjalin hubungan perdagangan dengan mereka.

Peranan Amerika Syarikat yang semakin menonjol turut membimbangkan Soviet Union. Tambahan pula apabila tamat Perang Dunia II, Amerika Syarikat menunjukkan minatnya untuk menguasai perdagangan minyak di Arab Saudi dan Teluk Persia. Kesan daripadanya, Amerika Syarikat mula meningkatkan hubungan dengan negara-negara Arab di Timur Tengah.¹⁹ Antaranya ialah tindakan Amerika Syarikat untuk melihatkan kuasanya di Timur Tengah, peranan Amerika Syarikat yang semakin aktif dalam perbalahan minyak di Persia, dan keputusan Amerika Syarikat untuk memberi bantuan yang besar dari sudut ekonomi dan militari kepada negeri-negeri di Timur Tengah. Ini adalah kerana didorong oleh perasaan takut Amerika Syarikat sekiranya pengaruh Soviet Union dapat menembusi negara-negara Timur Tengah.²⁰ Malah sebagai menyekat ekonomi Soviet Union yang merupakan antara negara pembekal minyak, Amerika Syarikat telah mendesak semua negara pengeluar minyak di Arab Saudi, termasuk negara bukan OPEC (*Organization of Petroleum Exporting Countries*), supaya mengeluarkan minyak sebanyak

¹⁸*Ibid.*

¹⁹FO 371/124970, "Mr. Barnes Minutes, Foreign Office: 3 December 1951".

²⁰*Ibid.*

yang mungkin. Tujuannya ialah supaya negara luar tidak akan mengadakan hubungan perdagangan minyak melalui Soviet Union.

Tindakan Amerika Syarikat ini berjaya menjatuhkan harga minyak di pasaran dunia dan membekukan ekonomi Soviet Union. Polisi Amerika Syarikat dalam perdagangannya dengan blok Timur adalah berasaskan kepada kepentingan Amerika Syarikat, iaitu mendapatkan bahan mentah yang diperlukan oleh Amerika Syarikat supaya dapat menguatkan lagi ekonomi negara Barat.²¹ *National Security Council* juga telah memutuskan supaya Amerika Syarikat menghentikan semua penghantaran perdagangan daripada negara berkenaan ke Soviet Union dan negara satelitnya bagi barangan komoditi yang mana Amerika Syarikat sendiri mempunyai dengan kadar yang terhad dan kritikal. Namun pada masa yang sama, Amerika Syarikat pula perlu memastikan tindakannya ke atas Soviet Union tidak menyebabkan negara kuasa besar tersebut menyekat keperluan Amerika Syarikat. Ini menunjukkan diskriminasi Amerika Syarikat ke atas negara Soviet Union dan satelitnya di blok Timur.²²

It likewise important that our restrictions on trade should not cause the Soviet Bloc to limit the strategic materials which they have been supplying to us. It is believed that this can be accomplished by our refusing to issue export licenses unless we are assured of the supplies which we desire. This would mean that we deal with the Soviets on a strictly quid pro quo basis with respect to the significant items of trade between the two countries.²³

Walau bagaimanapun, usaha Amerika Syarikat ini menunjukkan sedikit keberkesanan kerana negara kuasa besar tersebut tidak dapat menghalang negara Barat yang lain untuk mengadakan hubungan dengan Soviet Union dan Blok Timur yang lain. Ini kerana perdagangan antara Barat dan Timur adalah penting dalam menjayakan *European Recovery Program*. Eropah Barat tetap menjalankan hubungan perdagangan dengan Soviet Union untuk barang keperluan negara mereka, iaitu arang batu, gandum, dan kayu balak. Pada tahun 1947, perdagangan Soviet Union dengan negara *European Recovery Program* adalah berjumlah \$1 ½ billion.²⁴ Namun dasar sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Soviet Union pada zaman Presiden Ronald Reagan daripada Amerika Syarikat berjaya melumpuhkan ekonomi Soviet Union pada hujung tahun 1980-an dan awal tahun 1990-an.

KRISIS DI CUBA DAN DI AFGHANISTAN

Pertama, Krisis di Cuba. Era Perang Dingin antara Amerika Syarikat dan Soviet Union mencapai satu tahap yang tegang sekitar tahun 1960-an hingga 1970-an. Sejak tahun-tahun tersebut, usaha Amerika Syarikat untuk memerangi

²¹NSC 46, "Note by the Executive Secretary to the National Security Council: 3 May 1949".

²²*Ibid.*

²³NSC 46, "Paper Presented to Cabinet Meeting by Secretary Marshall: 26 March 1948".

²⁴*Ibid.*

komunis memang tidak pernah berhenti. Pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat memahami mengenai masalah Perang Dingin dan mereka berusaha untuk menghalang ancaman Soviet Union dengan pelbagai cara.

Negara Cuba pada awalnya bukanlah dilihat sebagai negara yang dapat menggugat keselamatan Amerika Syarikat. Tetapi pada masa pemerintahan Presiden John F. Kennedy, negara Cuba telah menjadi medan pertempuran antara Amerika Syarikat dengan Soviet Union.²⁵ Ini apabila Fidel Castro berjaya melaksanakan revolusi dan mendapatkan negara Cuba dengan bantuan Soviet Union pada tahun 1959, dan seterusnya dilantik sebagai Presiden Cuba. Kejayaan Fidel Castro telah menyebabkan hubungan Cuba-Soviet menjadi rapat, sebaliknya hubungan Amerika-Cuba menjadi terbantut. Amerika Syarikat telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Cuba sebelum John F. Kennedy menjawat jawatan Presiden.

Amerika Syarikat sejak zaman pentadbiran Presiden Eisenhower, menjawat jawatan Presiden USA (*United States of America*) dari tahun 1953-1961, telah merancang supaya CIA (*Central Intelligence Agency*), iaitu agensi perisikan Amerika Syarikat, melatih pelarian-pelarian Cuba yang mendapat perlindungan di negara kuasa besar tersebut semasa revolusi Cuba tahun 1959. Tujuannya adalah supaya kumpulan pelarian yang mendapat latihan ketenteraan daripada Amerika Syarikat ini pulang ke Cuba dan mencetuskan kekacauan di sana. Sejurus selepas John F. Kennedy menjawat jawatan Presiden Amerika Syarikat (1961-1963), beliau telah memberi kebenaran kepada pelarian ini untuk melaksanakan seperti yang dirancang oleh Presiden Eisenhower sebelumnya.

Pelarian-pelarian ini telah pulang ke Cuba dan mencetuskan satu kekacauan dan serangan di *Bay of Pigs* pada tahun 1961. Kerajaan Fidel Castro dengan segera berjaya menumpaskan serangan di *Bay of Pigs* tersebut. Presiden John F. Kennedy telah membuat pengakuan bahawa beliau bertanggungjawab ke atas kekalahan di *Bay of Pigs*. Menurut John F. Kennedy, pelarian Cuba yang membuat serangan tersebut kurang kapasiti dari segi kemahiran dan keselamatan untuk menentang sistem yang dikawal oleh kerajaan komunis.²⁶

Pada tahun berikutnya, 1962, Presiden John F. Kennedy telah mendapat maklumat bahawa kerajaan Soviet Union telah secara rahsia membuka pangkalan untuk menempatkan bom nuklear di Cuba. Adalah dilaporkan bahawa sekurang-kurangnya 1,700 tentera teknikal Soviet Union telah tiba di Cuba pada penghujung bulan Julai dan awal bulan Ogos 1962 sehubungan dengan aktiviti *military* di Cuba.²⁷ Presiden John F. Kennedy telah

²⁵FRUS Doc 406, "Memorandum from the Counselor of Department of State and Chairman of the Policy Planning Council to President Kennedy, Washington: 3 September 1962" dalam *Department of State, Washington D.C., Vol.X, 1961-1963*.

²⁶*Ibid.*

²⁷FRUS Doc 407, "Memorandum from the Deputy Director for Intelligence to Acting Director of Central Intelligence Carter, Washington: 3 September 1962" dalam *Department of State, Washington D.C., Vol.X, 1961-1963*.

bertindak tegas menentang tindakan Soviet Union tersebut. John F. Kennedy memaklumkan bahawa Amerika Syarikat tidak dapat menerima pemasangan bom dan senjata nuklear di Cuba.

Selepas menimbangkan pelbagai cara, akhirnya Presiden John F. Kennedy mengambil keputusan untuk kuarantinkan Cuba bagi menghalang kapal-kapal Soviet Union membawa peluru-peluru tambahan ke Cuba. Sebagai bertindak balas, Amerika Syarikat telah menambah tekanan ekonomi kepada Cuba dengan menyekat perdagangan Cuba dengan negara-negara bebas dan berkecuali. Melalui tindakan tersebut, Amerika Syarikat berharap dapat memberi mesej kepada sekutu-sekutunya bahawa negara kuasa besar itu memandang serius komitmen Soviet Union di Cuba.²⁸ John F. Kennedy telah membuat kenyataan secara terbuka bahawa polisi Amerika Syarikat adalah menentang penghantaran senjata nuklear dan bom Soviet Union di Cuba dan menuntut supaya Soviet Union mengeluarkan semua senjata nuklearnya dari Cuba.

Mengikut Nikita Khrushchev, Soviet Union mengambil tindakan meletakkan peluru berpandu di negara Cuba adalah untuk mengimbangi kekuatan Amerika Syarikat yang memiliki kebolehan menghantar peluru berpandu ke Cuba. Ini adalah satu cara untuk melindungi Cuba daripada penaklukan Amerika Syarikat seperti peristiwa serangan di *Bay of Pigs*. Selepas mendapat kebenaran Fidel Castro, Soviet Union dengan segera membina pangkalan peluru berpandu di Cuba. Pada bulan Oktober 1962, Presiden John F. Kennedy telah ditunjukkan gambar pembinaan pangkalan peluru berpandu Soviet Union di Cuba.²⁹ Gambar tersebut juga menunjukkan beberapa jenis peralatan perang Soviet Union seperti pemusnah *submarine*, bot torpedo, termasuk lapan senjata nuklear jenis SAM (*Surface to Air Missile*) yang diletakkan di lokasi yang disediakan, di samping kerja-kerja pembinaan yang giat dilaksanakan. Selepas tujuh hari perbahasan di Parlimen, Presiden John F. Kennedy telah membuat kenyataan tentang pendirian kerajaannya bahawa sebarang serangan bom dari Cuba akan dianggap adalah daripada Soviet Union dan akan dibalas dengan sewajarnya.

President's statement as containing a clear warning to the USSR as well as to Castro of the types of possible future action which the US would not tolerate. As a reminder, partly to the US public, that the Cuban problem cannot be isolation, but rather within the framework of the Cold War.³⁰

Pada 27 Oktober 1962, Nikita Khrushchev telah menghantar surat kepada John F. Kennedy dan memberi tekanan kepada Washington dengan mengatakan bahawa Moscow hanya akan merobohkan pangkalan peluru berpandu mereka

²⁸*Ibid.*

²⁹*Ibid.*

³⁰FRUS Doc 412, "Memorandum Conversation, Washington: 5 September 1962" dalam *Department of State, Washington, Vol.X, 1961-1963*.

di Cuba, sekiranya Amerika Syarikat melakukan yang sama ke atas pangkalan Amerika di Turki.³¹ Amerika Syarikat enggan memenuhi syarat tersebut, sebaliknya menegaskan bahawa pangkalan mereka di Turki mempunyai sejarah yang panjang dan berdasarkan perjanjian yang berteraskan kepentingan serantau sekiranya berlaku pencerobohan. Amerika Syarikat selanjutnya meyakinkan Soviet Union bahawa negara kuasa besar liberal itu berjanji tidak akan menyerang Cuba. Atas jaminan Amerika Syarikat tersebut, pada 28 Oktober 1962, Nikita Krushchev bersetuju untuk menarik balik semua senjata nuklear Soviet Union di Cuba dan perjanjian antara Amerika-Soviet dimeterai bahawa kemerdekaan Cuba akan dijamin oleh Amerika Syarikat.

Kedua, Krisis di Afghanistan. Afghanistan merupakan sebuah negara yang terasing dari campur tangan antarabangsa dan sebagai negara penampan kepada pertembungan Amerika Syarikat dan Soviet Union sejak dari beratus-ratus tahun dahulu. Namun begitu, hubungan negara tersebut dengan Soviet Union berubah selepas 1947, apabila Amerika Syarikat menarik diri daripada Asia Tengah, serta penambahan kuasa dan kedudukan Soviet Union sebagai kuasa besar selepas tamat Perang Dunia II.³² Sejak itu, hubungan Afghanistan dengan Soviet Union bertambah baik, malah Soviet Union telah banyak membantu Afghanistan, sama ada dari segi ekonomi mahu pun militeri untuk membangunkan negara tersebut.³³

Hakikatnya, walaupun hubungan antara Afghanistan dan Soviet Union berjalan baik, tetapi Afghanistan tidak mengikut budaya dan model pemerintahan daripada Soviet Union. Sebaliknya, Afghanistan mengikuti model pemerintahan Barat. Propaganda imperialisme Barat yang diuar-uarkan oleh Soviet Union tidak berjaya menjadikan negara kuasa besar komunis tersebut sebagai negara model kepada Afghanistan. Pada tahun 1963, pemimpin Afghanistan telah memilih untuk membentuk kerajaan demokrasi. Ini kerana ramai di kalangan pemimpin Afghanistan telah mendapat latihan sejak tradisinya dari Barat, termasuk dari Amerika Syarikat sendiri. Pengaruh yang kuat oleh Soviet Union telah membimbangkan pemimpin-pemimpin Afghanistan, lalu kerajaan itu menjalin hubungan baik dengan Amerika Syarikat dengan tujuan untuk mengimbangi semula pengaruh Soviet Union di Afghanistan.³⁴

Pada tahun 1970-an, sekali lagi, membawa ketegangan kepada hubungan Amerika-Soviet dalam tempoh Perang Dingin yang dikenali sebagai *international superpower struggles in Central Asia*. Ini adalah akibat tindakan Soviet Union yang menceroboh Afghanistan pada tahun 1979. Amerika Syarikat melihat percubaan Soviet Union untuk bertapak di Afghanistan sebagai ancaman kepada kepentingan negara kuasa besar liberal tersebut di negara-negara

³¹*Ibid.*

³²FRUS Doc 326, "Country Policy Statement of Afghanistan, Washington: 6 August 1969" dalam *Documents on South Asia, 1969-1972: Volume E-7*.

³³*Ibid.*

³⁴*Ibid.*

Teluk. Sebaliknya, Soviet Union menegaskan kepada Amerika Syarikat bahawa mereka bukannya menceroboh Afghanistan tetapi atas jemputan Presiden Afghanistan, iaitu Mohamed Amin, untuk menghapuskan pemberontak Islam yang menggelarkan diri mereka sebagai *Mujahidin*. Soviet Union mengatakan bahawa golongan *Mujahidin* ini adalah pengganas. Mohamed Amin ingin menubuhkan kerajaan Islam yang moderat dengan menghapuskan kesemua tradisi Islam di negara tersebut. Umat Islam yang menentang Mohamed Amin telah bertindak atas nama *jihad* dalam agama Islam. Oleh itu, Soviet Union telah membantu Mohamed Amin untuk terus berkuasa di Afghanistan.³⁵

Walau bagaimanapun, Mohamed Amin telah ditembak mati oleh tentera Soviet Union dan Mohamed Kamal menggantikan posisi Mohamed Amin atas restu kerajaan Soviet Union. Mohamed Kamal sepenuhnya mengharapkan sokongan Soviet Union dan menjadi boneka kepada Negara kuasa besar komunis tersebut. Ini menggiatkan lagi usaha orang-orang Islam Afghanistan, termasuk yang menjadi pelarian, untuk membantu menggulingkan Soviet Union dan kerajaan Mohamed Kamal.

Amerika Syarikat telah secara rahsia, melalui CIA, menyatakan sokongan penuh mereka ke atas pemberontak Islam yang menggelarkan diri mereka sebagai *Mujahidin* ini. Amerika Syarikat telah memberikan bantuan dari segi kewangan dan senjata bagi keperluan *Mujahidin* di Afghanistan.³⁶ Malah Amerika Syarikat juga menyediakan *missiles* dari darat ke udara secara sulit untuk digunakan oleh kumpulan *Mujahidin* bagi menyerang tentera Soviet Union. Bagi Amerika Syarikat, Soviet Union seharusnya berundur dari Afghanistan kerana penaklukan Afghanistan akan mendedahkan negara-negara Teluk kepada pengaruh komunis yang boleh menggugat kepentingan Amerika Syarikat ke atas negara-negara yang kaya dengan minyak itu. Tambahan pula, mengikut perencanaan dan dasar kerajaan Amerika Syarikat, komunis harus dibanteras. Sebaliknya, Soviet Union menegaskan bahawa apa yang mereka lakukan di Afghanistan adalah sama seperti apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dalam Perang Vietnam.

Penglibatan Amerika Syarikat di Vietnam dijadikan sebagai alasan yang membenarkan Soviet Union untuk berada di Afghanistan. Pada tahun 1980, Amerika Syarikat mengenakan tindakan menghentikan penjualan bijirin yang merupakan makanan rugi kepada Soviet Union dan memboikot sukan Olimpik di Moscow. Presiden Amerika Syarikat, Ronald Reagan, yang menggantikan Jimmy Carter pada tahun 1981 meneruskan polisi Jimmy Carter di mana menghentikan rundingan SALT II dengan Soviet Union sebagai tindak balas terhadap pencerobohan negara kuasa besar komunis tersebut di Afghanistan.

³⁵Lihat "Documents on the Soviet Invasion of Afghanistan" dalam www.wilsoncenter.org/topics/pubs/e [dilayari di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 2 September 2010].

³⁶Lihat www.guidetorussia.com/russia-afghanistan [dilayari di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 2 September 2010].

Peperangan antara *Mujahidin* di Afghanistan dengan Soviet Union telah mendapat bantuan daripada semua negara yang pro Amerika Syarikat. Pada tahun 1982, kumpulan *Mujahidin* telah menguasai 75 peratus daripada kawasan di Afghanistan dan Soviet Union terpaksa mengundurkan tenteranya daripada negara itu. Kekalahan Soviet Union di Afghanistan telah memberi peluang kepada Amerika Syarikat untuk meletakkan negara-negara Teluk dan Asia Barat yang *vacuum of power* di bawah lingkungan dan pengaruh Barat, khususnya Amerika Syarikat.

KESIMPULAN

Konflik atau permusuhan antara Amerika Syarikat dan Soviet Union dalam era Perang Dingin mencetuskan satu lagi fenomena yang membimbangkan dunia selepas Perang Dunia II (1939-1945). Ini kerana konflik tersebut boleh mencetuskan satu lagi perang antara Amerika Syarikat dan Soviet Union yang tentunya akan dapat menjejaskan kehidupan manusia melalui penggunaan senjata nuklear oleh kedua-dua kuasa besar ini. Permusuhan kedua-dua kuasa ini berpunca daripada perasaan tidak selamat atau terancam tentang kuasa dan pengaruh baru dunia selepas tamat Perang Dunia II. Masing-masing melihat ingin meletakkan pengaruh dan kuasa mereka bukan sahaja di bawah pengaruh lingkungan masing-masing, tetapi juga di negara-negara yang ditinggalkan German, Itali, dan Jepun. Ini menjadikan permusuhan semakin sengit tentang persoalan kepimpinan order baru dunia.

Tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan ideologi antara Amerika Syarikat dan Soviet Union menjadikan kedua-dua kuasa ini tidak mempunyai kepercayaan antara satu dengan yang lain, dan telah memburukkan konflik Amerika-Soviet. Bagi menguatkan kedudukan masing-masing, Amerika Syarikat dan Soviet Union mendapati bahawa kekuatan militari adalah penting bagi kejayaan mereka di medan perang. Ini menyebabkan mereka berlumba-lumba mencipta senjata nuklear yang canggih, sehingga menjadikan hubungan Washington dan Moscow semakin tegang disebabkan oleh isu penciptaan senjata nuklear. Ini dapat dibuktikan di mana isu penciptaan dan perlumbaan senjata nuklear menjadi kebimbangan kedua-dua pihak, sehingga kedua-duanya bersetuju untuk menyelesaikan melalui SALT 1 dan SALT II yang bertujuan untuk mengawal kuantitinya untuk kedua-dua pihak.

Kertas kerja ini merumuskan bahawa konflik antara Amerika Syarikat dan Soviet Union adalah lebih didorong oleh ketidakpercayaan antara satu sama lain, disebabkan oleh keinginan untuk menguasai order baru dunia selepas Perang Dunia II yang akhirnya menyebabkan isu-isu seperti perbezaan ideologi, perlumbaan penciptaan senjata nuklear, ekonomi, serta krisis di Cuba dan di Afghanistan menjadikan kemelut konflik antara Amerika Syarikat dan Soviet Union dalam tempoh Perang Dingin semakin nyata, jelas, dan berpanjangan sehingga kejatuhan Soviet Union pada tahun 1991.

Bibliografi

- Campbell, John C. (1965). *American Policy towards Communist Eastern Europe: The Choice Ahead*. Minnesota, USA: University of Minnesota Press.
- Gaddis, John Lewis. (1981). "Containment: Its Past and Future" dalam *International Security*, 5(4). USA: MIT Press.
- Gaddis, John Lewis. (2005). *Strategies of Containment*. Oxford: Oxford University Press.
- Graebner, A. Norman. (1963). *The Cold War: Ideological Conflict or Power Struggle*. New York: D.C. Heath and Company Press.
- Mastanduno, Michael. (1985). "Strategies of Economic Containment: US Trade Relations with the Soviet Union" dalam *World Politics*, Vol.37, No.4.
- Mayers, David. (1986). "Containment and the Primacy of Diplomacy: George Kennan's Views, 1947-1948" dalam *International Security*, 11(1). USA: MIT Press.
- Poole, Walter S. (1978). "From Conciliation to Containment: The Joint Chief of Staff and the Coming of the Cold War, 1945-1946" dalam *Military Affairs*, 42(1), February.
- www.guidetorussia.com/russia-afghanistan [dilayari di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 2 September 2010].

Dokumen:

- "Documents on the Soviet Invasion of Afghanistan" dalam www.wilsoncenter.org/topics/pubs/e [dilayari di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 2 September 2010].
- FCO 46/1006, "SALT: Notes for Meeting with Mr. Brennan, Washington DC: 7 February 1973".
- FCO 46/1162, "SALT: Intelligence Note by DGI, Washington DC: 7 January 1976".
- FCO 46/1162, "US Defence Department: 24 November 1974".
- FCO 46/1162, "SALT: Intelligence Note by DGI, Washington DC: 27 November 1974".
- FCO 46/1162, "US and Soviet Deterrent Postures, DI: 25 November 1974".
- FO 371/86736, "Lecture by Sir Gladwin Jebb on the Conduct of the Cold War by the UK and Her Allies", 24 February 1950.
- FO 371/39041, "Letter of State Secretary to Foreign Affairs", 7 July 1944.
- FO 371/116118(1), "Report of Warsaw Conference, from the British Legation towards Foreign Office, Budapest, 1955" dalam *On the Setting Up of a Unified Command of the Armed Forces of the Countries Signatory to the Treaty of Friendship, Co-operation and Mutual Assistance*.
- FO 371/124970, "Mr. Barnes Minutes, Foreign Office: 3 December 1951".
- FRUS, "Memorandum of Conversation by the Secretary of State, Washington: 11 May 1948" dalam *Eastern Europe: The Soviet Union, Vol IV*. Washington, USA: National Archive Library, 1974.
- FRUS Doc 406, "Memorandum from the Counselor of Department of State and Chairman of the Policy Planning Council to President Kennedy, Washington: 3 September 1962" dalam *Department of State, Washington D.C., Vol.X, 1961-1963*.
- FRUS Doc 407, "Memorandum from the Deputy Director for Intelligence to Acting Director of Central Intelligence Carter, Washington: 3 September 1962" dalam *Department of State, Washington D.C., Vol.X, 1961-1963*.
- FRUS Doc 412, "Memorandum Conversation, Washington: 5 September 1962" dalam *Department of State, Washington, Vol.X, 1961-1963*.
- FRUS Doc 326, "Country Policy Statement of Afghanistan, Washington: 6 August 1969" dalam *Documents on South Asia, 1969-1972: Volume E-7*.
- "Memorandum of Conversation by the Secretary of State in Washington: 11 May 1948" dalam *FRUS 1948 Eastern Europe: The Soviet Union, Vol IV*. Washington, USA: National Archive Library, 1974, ms.83-84.

NSC 46, "Note by the Executive Secretary to the National Security Council: 3 May 1949".

NSC 46, "Paper Presented to Cabinet Meeting by Secretary Marshall: 26 March 1948".

RG 59, "American Embassy Sofia to Secretary of State, Washington: 29 June 1948".

RG 59, "American Embassy Moscow to Secretary of State, Washington: 1 July 1948".